

**KPT hantar 49,019 pelajar pulang sejak 27 April - Ismail Sabri
Astro Awani
18 Mei 2020**

PUTRAJAYA: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menghantar pulang 49,019 pelajar ke pangkuan keluarga pelajar masing-masing dari 27 April sehingga Ahad.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 1,646 pelajar IPT dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing pada Ahad.

"Seramai 652 pelajar telah dihantar pulang ke Sarawak melalui 4 penerbangan dari Kuala Lumpur ke Miri, Kuching, Bintulu dan Sibul.

"Manakala 574 pelajar dihantar pulang dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu melalui 2 penerbangan.

"Sebuah penerbangan dari Kuching telah membawa pulang 160 pelajar ke Kota Kinabalu. 1 penerbangan ulang alik dari Bintulu ke Kota Kinabalu telah menghantar pulang 227 pelajar.

"Bagi penghantaran pelajar dalam negeri (intra-state), seramai 33 pelajar di Sabah telah dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing," katanya dalam sidang media hariannya pada Isnin.

Dalam pada itu katanya, tiga penerbangan dijadualkan dari Kuala Lumpur ke Bintulu, Sibul dan Miri untuk membawa pulang 418 pelajar ke kampung pada Isnin.

"Masih terdapat 7,384 pelajar dari Sabah dan 2,207 pelajar dari Sarawak yang belum dihantar pulang dari kampus IPT di Semenanjung Malaysia.

"Di Sabah, pusat kuarantin yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah kepulangan pelajar untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

"Bagaimanapun, KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan KPT bersama Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan untuk mewajibkan setiap menjalani ujian swab COVID-19, sebelum mereka berlepas pulang," ujarnya.

Dalam pada itu katanya, bagi mereka yang disahkan negatif COVID-19 akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan manakala bagi yang disahkan positif COVID-19, mereka akan dihantar ke hospital untuk rawatan.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpt-hantar-49-019-pelajar-pulang-sejak-27-april-ismail-sabri-243428>